

9) APAKAH ADA DASAR KEUTAMAAN BAGI ANAK SELANGOR DALAM PEMILIKAN RUMAH MAMPU MILIK?

Adun : Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Sungai Ramal)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

a) Berapa pula peratus keutamaan untuk bumiputera?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) amat prihatin terhadap golongan sasar bagi pemilikan Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku. Secara umumnya, Kerajaan Negeri tidak meletakkan syarat utama kelayakan anak Selangor sebagai kriteria kelayakan memiliki Rumah Selangorku / hartanah harga kawalan di negeri Selangor. Namun begitu, dari aspek pemarkahan, kriteria 'anak Selangor' akan menjadi pemberat keutamaan berbanding bukan anak Selangor selain syarat-syarat lain yang ditetapkan. Antara syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut :

- i. Berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh pendaftaran;
- ii. Tidak memiliki sebarang kediaman di negeri Selangor; dan
- iii. Had pendapatan bulanan seisi rumah (pemohon dan pasangan) tidak melebihi RM14,500.00.

Bagi peratusan pemilikan keutamaan untuk Bumiputera bagi mampu milik (Rumah Selangorku). 'Blue Print' Perumahan Negeri Selangor yang telah disediakan menjadi panduan dalam menetapkan nisbah peratusan kuota jualan Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi sesuatu projek perumahan.

Nisbah minimum kuota Bumiputera yang digariskan dalam 'Blue Print' Perumahan Negeri Selangor adalah di antara 30% hingga 70%.

Penetapan kuota jualan Bumiputera tersebut akan dikenakan semasa kelulusan tukar syarat kegunaan tanah dan pemberimilikan tanah. Kelulusan tersebut diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan syarat-syarat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah mengikut kawasan di daerah masing-masing.